



KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN  
MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT

## SIARAN MEDIA

### PEMBANGUNAN AGENDA EKONOMI KITARAN: KPKT KOMITED MELAKSANAKAN TRANSFORMASI PENGURUSAN SISA PEPEJAL

---

**PUTRAJAYA, 3 JUN 2022** - YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengetuai delegasi Malaysia dalam lawatan kerja ke negara Jerman bermula 30 Mei 2022 bagi melihat inisiatif serta pendekatan yang dapat memperkukuhkan lagi usaha pembangunan agenda ekonomi kitaran dalam pengurusan sisa pepejal di Malaysia sempena IFAT Munich 2022.

Lawatan kerja ini turut disertai Persatuan Pengurusan Sisa Pepejal Malaysia (WMAM) yang terdiri daripada pemain-pemain industri pengurusan sisa pepejal di Malaysia, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan selain pasukan KPKT. IFAT Munich 2022 merupakan pameran perdagangan terkemuka di dunia bagi pengurusan air, kumbahan, sisa dan bahan mentah.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican berpeluang melawat beberapa fasiliti berteknologi tinggi yang menjadi antara pemain utama kepada kejayaan ekonomi kitaran di negara Jerman iaitu Wurser Umwelt, sebuah fasiliti kitar semula yang cukup komprehensif; serta KLOH, fasiliti kitar semula berteraskan organik/biogas.

Kedua-dua fasiliti ini mempunyai kapasiti dan teknologi untuk menguraikan sisa-sisa domestik atau organik menjadi bahan yang boleh diguna semula, antara lain seperti menjadi baja atau gas sama ada untuk kegunaan sendiri atau dijual secara komersil kepada pengguna.

Selain itu, pasukan KPKT juga mengadakan perbincangan bersama *Federal Ministry for The Environment, Nature Conservation, Nuclear Protection and Consumer Protection* yang antara lain membincangkan potensi kerjasama antara Malaysia – Jerman dalam pembangunan polisi dan kerangka ekonomi kitaran yang lebih komprehensif. Negara Jerman mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam pembangunan ekonomi kitaran.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican juga memaklumkan bahawa KPKT selaku agensi yang menerajui soal pengurusan sisa pepejal di negara kita sedang melihat **satu pelan transformasi menyeluruh pengurusan sisa pepejal untuk kita beralih dari ekosistem bersifat linear economy kepada circular economy**. Ia merupakan satu agenda yang memerlukan lonjakan bersama dan mewujudkan **Circularity Climate atau Iklim Kitaran** untuk semua. Di samping itu, ia juga melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuklah agensi-agensi Kerajaan, GLC, pemain industri, pihak berkuasa tempatan dan pemain utama dalam soal transformasi ini adalah pengguna atau rakyat sendiri.

Justeru, antara langkah yang sedang dilakukan adalah mendapatkan mandat melalui platform di peringkat Kebangsaan iaitu **penubuhan Majlis Ekonomi Kitaran Negara**. Selain itu, pasukan KPKT sedang merangka **pembangunan Pelan Induk Ekonomi Kitaran bagi sisa pepejal sebagai panduan asas kepada semua pihak**. Selain itu, KPKT juga sedang mengkaji **pelaksanaan Extended Producer Responsibility (EPR)** iaitu pendekatan meletakkan tanggungjawab kepada pengeluar untuk merawat dan melupuskan produk pasca pengguna. Ini merupakan amalan lazim di negara-negara maju supaya produk yang dihasilkan dapat dirawat dan dilupus.

Di samping itu, KPKT juga sedang **meneroka potensi penggunaan teknologi rawatan sisa di punca (treatment at source)** seperti penggunaan anaerobic digester (AD) dan composter bagi mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan sampah terutamanya melibatkan sisa makanan.

Menurut YB Dato' Sri Reezal Merican lagi, KPKT juga sedang melihat **pelaksanaan Ekonomi Kitaran ini melalui proof of concept (POC) di beberapa PBT** bagi membolehkan satu-satu kawasan PBT diperaku sebagai "*Circular City*" atau PBT mampan dalam soal pengurusan sisa pepejal. Beliau turut menambah bahawa KPKT juga sedang melihat **soal insentif-insentif di peringkat permulaan serta jangka panjang** yang boleh diberikan sebagai galakan kepada semua pihak untuk menjayakan agenda Ekonomi Kitaran ini.

Dalam lawatan ke pameran IFAT Munich 2022 ini juga, YB Dato' Sri Reezal Merican diberi penghormatan untuk menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman antara syarikat E-Idaman Sdn Bhd dan Eggersmann Anlagenbau GmbH. Kedua-dua syarikat menzahirkan kerjasama untuk meneroka potensi kerjasama dalam bidang fasiliti pemerolehan semula bahan (*material recovery facility*) dalam pengurusan sisa pepejal.

KPKT cukup optimis bahawa agenda Ekonomi Kitaran ini akan menjadi satu agenda perdana untuk semua serta komited dalam memastikan tahap daya huni rakyat diperkukuh di bawah agenda Malaysia Berdaha Huni atau Liveable Malaysia. Ini dapat diperkembangkan lagi dengan transformasi pengurusan sisa pepejal ke arah ekonomi kitaran demi kesejahteraan komuniti dan kelestarian alam sekitar selaras dengan

salah satu bidang keutamaan Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMK-12) iaitu Melaksana Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan.

#PasukanKPKT  
#BekerjaBersamaRakyat  
#KeluargaMalaysia  
#PantaiNegara

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanise Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

